



**TEKS UCAPAN
YAB MENTERI BESAR PERAK
YAB DATO' SERI SAARANI MOHAMAD**

SEMPENA

**MAJLIS EXECUTIVE TALK DAN
PERUTUSAN TAHUN BARU 2022 BERSAMA
PENJAWAT AWAM NEGERI PERAK**

20 JANUARI 2022 (KHAMIS)

10.00 PAGI

**DEWAN BANKUET,
BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrohmanirrahim

Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi Abd. Rahim,

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Azmir Shah Bin Zainal Abidin

Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan

Pegawai Kewangan Negeri Perak

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak,

YBrs, Ketua-ketua Jabatan, Negeri dan Persekutuan, Pegawai-pegawai Daerah dan Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan, Kepimpinan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri,

Rakan-rakan Media,

Serta para penjawat awam yang saya kasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, sama-samalah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas rahmat dan kasih-sayang-Nya jua, kita dikurniakan kesihatan dan keafiatan, diberi kesempatan ruang dan waktu untuk menghadiri Majlis Executive Talk dan Perutusan Tahun Baru 2022 pada pagi ini.
2. Saya amat bersyukur, kerana walaupun berdepan ujian dan rintangan bersilih ganti terutamanya sejak dua tahun kebelakangan ini, kita semua sentiasa dikurniakan keazaman dan kekuatan dalam memikul tanggungjawab sebagai pemegang amanah pentadbiran kerajaan. Mudah-mudahan dalam memasuki jendela tahun 2022 ini, kita akan terus diberi petunjuk dan hidayah, dikurniakan ketenangan dan kebijaksanaan, serta diteguhkan sifat istiqamah dalam menjunjung amanah memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat. Insya-Allah.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

3. Pada mulanya, kita menyangka tahun 2020 sudah cukup sukar, namun ternyata 2021 lebih getir dengan situasi pandemik COVID-19 yang bukan sahaja terus mencengkam kehidupan rakyat dalam segenap segi, malah mengkucar-kacirkan ekonomi negara dan negeri. Banjir besar yang meragut puluhan nyawa dan menjejaskan kehidupan ratusan ribu lagi mangsa telah menutup tirai 2021 sebagai tahun yang begitu menguji ketabahan kita semua. Alhamdulillah, kita bersyukur kerana negeri Perak kita ini tidak mengalami musibah banjir yang teruk seperti mana yang berlaku di negeri-negeri lain.

4. Namun, biarlah kita tinggalkan suka duka tahun 2021 dengan mengambil sebaik-baik pengajaran daripadanya. Pengajaran untuk merenung hikmah diri, bermuhasabah dan mengambil iktibar supaya dapat dijadikan panduan untuk kita sama-sama mengharungi cabaran pada hari-hari mendatang ini.
5. Banyak sebenarnya yang kita boleh belajar daripada pandemik COVID-19. Kita boleh mengibaratkan pandemik tersebut seperti api yang pantas merebak. Api itu sifatnya membakar, tetapi ia juga menerangi. Jika dapat ditangani, ia mampu memberi inspirasi dan memotivasi. Api boleh menyakitkan, tetapi ia juga mampu menguatkan. Saya selalu ingatkan diri saya dan rakan-rakan pentadbiran supaya kita mengadaptasi kesan daripada pandemik ini agar dapat kita melakukan penambahbaikan. Kerana hanya dengan cara itu, kita lebih bersedia untuk menghadapi apa juga kemungkinan.
6. Dalam banyak keadaan, pandemik COVID-19 telah mengasak kita untuk berubah. Mengasak kita untuk meneroka metodologi dan pendekatan baru. Meninggalkan kebiasaan lama yang tidak relevan dan berani menerobos setiap kemungkinan. Kita dipaksa untuk membangunkan norma-norma baru dan melakukan hal-hal yang dianggap janggal sebelum ini. Dan Alhamdulillah, cabaran-cabaran ini dapat kita tangani secara bersama, secara berpasukan sehingga pandemik ini dapat kita tangani.
7. Pun begitu, kita tinggalkan tahun 2021 dengan dua krisis yang belum selesai – kesihatan dan ekonomi.

Benar, vaksin menjadi titik perubahan kepada proses pemulihan negara, namun ia masih belum mampu memadam segala ketidaktentuan yang timbul susulan penularan varian-varian baru COVID-19. Ia sudah cukup memberi kita sebab untuk lebih bersiap sedia menghadapi cabaran 2022 yang penuh dengan ketidakpastian.

8. Apa pun, kita tidak boleh terperangkap dalam semua ketidaktentuan ini. Kita perlu merancang untuk terus memulihkan ekonomi dan membimbing rakyat untuk keluar daripada belenggu impak COVID-19 yang kesannya masih dirasai sehingga hari ini. Segala perancangan yang digariskan dalam Belanjawan 2022 perlu sama-sama kita jayakan dengan matlamat mengukuhkan semula nadi ekonomi dan menerangi kembali kehidupan rakyat.
9. Sehubungan itu, dalam ucapan Executive Talk ini, saya akan menggariskan lima (5) fokus utama untuk kita sama-sama jayakan sebagai agenda penting Kerajaan Negeri pada tahun 2022.
 - i. Meningkatkan Hasil Negeri
 - ii. Membudaya Perkhidmatan Melangkaui Kebiasaan
 - iii. Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat
 - iv. Memantapkan Perkhidmatan & Infrastruktur Digital
 - v. Kesiapsiagaan Menangani Kesan Perubahan Iklim

Saudara dan saudara yang dikasihi sekalian,

FOKUS 1: MENINGKATKAN HASIL NEGERI

10. Dalam pembentangan Belanjawan 2022 baru-baru ini, saya telah menyebut betapa pandemik COVID-19 memberi impak yang cukup besar kepada ekonomi negeri dan rakyat. Penguncupan ekonomi susulan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan bukan sahaja meningkatkan angka pengangguran dan menjadikan kuasa beli rakyat menurun ekoran penutupan aktiviti perniagaan, malah kutipan hasil negeri merosot dengan begitu ketara.
11. Penurunan kutipan hasil pada enam bulan pertama 2021 memaksa kita menyemak semula perbelanjaan pada tahun lalu bagi mengelakkan kerajaan negeri berdepan defisit yang lebih besar. Prestasi kutipan hasil yang terus menurun telah membataskan keupayaan Kerajaan Negeri untuk menyalurkan dana lebih besar bagi Belanjawan 2022 dengan menyaksikan rata-rata sektor atau jabatan mengalami pengurangan peruntukan.
12. Bagaimanapun, Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa data terkini berakhir pada 31 Disember 2021 menunjukkan, **kutipan hasil Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM998.46 juta**, melebihi pencapaian kutipan hasil keseluruhan tahun 2020 iaitu RM983.53 juta. Trend peningkatan ini dilihat bermula pada bulan Oktober yang mana perkembangan positif berlaku selepas Negeri Perak mula beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. **Kerajaan Negeri juga telah menutup akaun tahun 2021 dengan surplus RM23.04 juta** iaitu lebih baik berbanding sasaran dikemaskini defisit sebanyak RM110 juta.

13. Lonjakan kutipan hasil ini adalah kerana beberapa faktor termasuk terimaan pada bulan Disember daripada syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) negeri serta bayaran baki cukai tanah PTP daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun ini berjumlah RM48.6 juta yang dibayar secara berperingkat sejak bulan November.
14. Saya percaya, perkembangan ini memberi petanda positif ke arah kutipan hasil yang lebih baik pada tahun-tahun seterusnya. Bagaimanapun, mengambil kira situasi ekonomi yang masih tidak menentu dan pelbagai kemungkinan yang timbul susulan penularan varian-varian baru COVID-19, kita perlu merancang gerak kerja lebih awal selain memperkemas strategi kutipan hasil.
15. Saya yakin, dengan strategi yang betul, kita mampu meningkatkan kutipan hasil melalui komitmen dan kerja keras kita semua. Antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut:
 - i) **Menyediakan pelan menyeluruh** bagi memastikan sasaran kutipan RM81 juta melalui tujuh (7) kategori hasil-hasil baru yang diumumkan dalam Belanjawan 2022 dapat direalisasikan.
 - ii) **Memudahkan proses kutipan cukai** termasuk memperkenalkan lebih banyak kaedah pembayaran secara digital. Dengan cara ini, kita boleh menggalakkan pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih pantas dan mudah diakses sebagai satu momentum galakan secara di atas talian, di hujung jari.

- iii) **Memperkasakan penguatkuasaan secara lebih objektif** bagi mengelakkan ketirisan hasil termasuk isu-isu pemutihan terhadap pencerobohan tanah-tanah kerajaan secara haram. Begitu juga tindakan bersepadu bagi penguatkuasaan pelanggaran syarat nyata tanah, pelanggaran syarat Permit Mineral atau 4C, dan perampasan tanah akibat kegagalan membayar cukai tanah.
 - i) **Memperkukuhkan gerak kerja dan memantapkan tindakan** berteraskan libat urus, strategi yang cekap dan mengenal pasti potensi sumber yang boleh menjana hasil negeri. Pendekatan berteraskan tender terbuka, tempoh kelulusan yang cepat dan penilaian bersepadu terhadap potensi lokasi strategik untuk nilai hasil yang tinggi turut membantu untuk meningkatkan pendapatan negeri.
16. Dalam pada itu, dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi, Perak berada pada kapasiti yang sangat baik untuk melaksanakan agenda pemulihan ekonomi dengan meningkatkan pelaburan serta merancakkan semula sektor-sektor yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
17. Negeri Perak telah mencatatkan pelaburan memberangsangkan pada suku tahun pertama hingga suku ketiga 2021. Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan yang diluluskan di Negeri Perak bagi sektor pembuatan bagi tempoh Januari hingga September 2021 adalah RM5.55 billion merangkumi 93 buah projek pelaburan dengan menjana sejumlah 5,278 peluang pekerjaan.

18. Saya yakin, momentum ini mampu diteruskan menerusi jalinan kerjasama lebih erat antara InvestPerak dengan pihak MITI, MIDA dan NCIA dalam meyakinkan para pelabur baru dan juga pelabur sedia ada untuk memilih Negeri Perak sebagai destinasi pelaburan. Tumpuan perlu diberikan kepada sektor-sektor yang mendapat permintaan tinggi di peringkat global seperti penghasilan produk sarung tangan, produk kesihatan, kelengkapan perubatan, automotif serta produk elektronik.
19. Bagi tujuan itu, saya harap peranan InvestPerak sebagai *Centre of Investment* dapat terus diperkasakan melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti promosi dan insentif penggalakan pelaburan selain memudah cara urusan kemasukan pelaburan. Ini termasuklah melalui program-program dan insentif seperti Pendigitalan *No Objection Letter* atau E-NOL, tawaran insentif *Silver Valley Pre-Package* bagi projek-projek yang berimpak tinggi dan menepati kriteria serta Program Pemantauan Pelaksanaan Projek Pelaburan di Negeri Perak, iaitu PACU@Perak.
20. Selain itu, Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diperingkat daerah dan juga peringkat Negeri boleh diadakan secara berkala dalam memastikan aduan dan pandangan pemain-pemain industri dapat disalurkan terus kepada pihak yang berkenaan supaya isu itu dapat diselesaikan dengan lebih efektif.

21. Bagi memantapkan usaha menjadikan Perak sebagai negeri mesra pelabur, saya berhasrat untuk mengadakan **Hari Bersama Pelabur sekali setiap bulan** untuk membolehkan kerajaan negeri berinteraksi dan mendengar taklimat daripada pelabur-pelabur yang berminat menanam modal di negeri Perak. Saya yakin inisiatif ini bukan sahaja mampu menemukan kita dengan pelabur-pelabur yang berpotensi dan berkualiti, tetapi dapat menyediakan maklumat yang komprehensif, memberi khidmat nasihat serta bantuan kepada para pelabur yang ingin membuat pelaburan dan membuka operasi perniagaan di Perak.
22. Dalam pada itu, tumpuan kita pada 2022 sudah tentulah untuk merencanakan semula sektor-sektor yang terjejas akibat pandemik COVID-19 termasuk pelancongan. Saya difahamkan, perancangan telah dibuat untuk mempergiatkan promosi pelancongan domestik serta persediaan Tahun Melawat Perak 2025 dengan mewujudkan pakej-pakej baharu secara langsung atau kerjasama dengan pihak swasta. Bagi **menggilap potensi Perak sebagai antara lokasi pilihan industri pelancongan kesihatan atau *health tourism***, maka saya mengesyorkan supaya semua pemain industri pelancongan dan kesihatan dapat berkolaborasi antara satu sama lain.
23. Bagi sektor pertanian pula, tumpuan perlu terus diberikan kepada usaha mempertingkatkan sekuriti makanan dengan mewujudkan nilai tambah kepada tanaman yang telah mencapai Kadar Sara Diri 100% dan memperluas kawasan tanaman dan bilangan petani bagi tanaman yang belum mencapai kadar tersebut.

24. Berdasarkan Kadar Sara Diri (SSR) Tanaman Makanan Utama Negeri Perak tahun 2020, sebanyak 18 jenis tanaman seperti kelapa, timun, sawi, terung, tebu, jagung manis, bayam, pisang dan limau nipis mencatatkan pengeluaran melebihi 100% bagi menampung keperluan penduduk Negeri Perak. Walau bagaimanapun, terdapat 11 jenis tanaman yang tidak mencapai 100% bagi menampung keperluan penduduk Negeri Perak dan perlu diimport dari negeri dan negara luar. Ia termasuklah nanas, kobis bulat, halia, tembikai, tomato, cili dan mangga.

Saudara dan saudara yang dikasihi sekalian,

FOKUS 2: MEMBUDAYA PERKHIDMATAN MELANGKAUI KEBIASAAN

25. Seperti yang saya sebut awal tadi, pandemik COVID-19 mengerdipkan hikmah yang besar buat kita semua sebagai penjawat awam. Dalam tempoh kira-kira dua tahun mengurus pandemik, peranan dan tanggungjawab penjawat awam dilihat begitu genting dan mencabar. Mengharungi situasi krisis yang menghimpit, pengharapan rakyat terhadap penjawat awam begitu tinggi.
26. Dari mengurus penularan kes jangkitan, mengelola kawasan PKP dan PKPD, menyelaraskan keperluan rakyat di kawasan jangkitan sehinggalah dalam soal menjayakan program vaksinasi – semuanya memaksa kita bertindak di luar norma dan kebiasaan. Kita diajar untuk mengurus beban kerja yang penuh dengan risiko.

Semua tiang dan sendi jabatan serta agensi kerajaan diuji. Ketabahan, kesabaran, ketahanan dan kecepatan kita bertindak – semuanya turut diuji dan diasah.

27. Alhamdulillah, kita bersyukur kerana semua cabaran dan ujian itu dapat kita tempuhi bersama. Berkat nilai-nilai kebersamaan dan semangat berpasukan sepanjang kita berdepan pandemik, kini kita sudah memasuki fasa pemulihan. Namun, mendepani dunia yang masih dilingkari krisis dan ancaman bencana yang luar biasa, kita perlu mengukuhkan kesiapsiagaan bagi menghadapi apa jua kemungkinan. Tidak ada jaminan kita tidak akan berdepan situasi sama atau krisis lebih getir pada masa hadapan.
28. Perubahan persekitaran yang pantas telah mendesak kita untuk berubah. Krisis dan bencana hanyalah asbab yang mendorong supaya kita lebih pantas melakukan perubahan. Kita perlu bersedia dan berani mengambil langkah strategik apabila berhadapan dengan tuntutan-tuntutan baharu. Rakyat pada hari ini berfikir kritis dan cakna dalam membuat penilaian terhadap prestasi kerajaan. Rakyat tahu akan hak-hak mereka. Rakyat mengharapkan perkhidmatan yang lebih bermutu dan tadbir urus yang lebih baik selaras dengan hak mereka sebagai pembayar cukai.
29. Sebab itulah, saya selalu ingatkan diri dan rakan-rakan dalam kerajaan bahawa apa jua dasar yang hendak kita laksanakan, ia mestilah berpaut kepada aspirasi rakyat. Proses *engagement* yang berterusan sangat penting untuk kita mengukur pandangan rakyat terhadap prestasi kerajaan.

30. Kita perlu bersangka baik terhadap pandangan dan kritikan rakyat kerana ia sebenarnya mampu mengukuhkan perkhidmatan kerajaan. Pendek kata, proses merakyatkan sistem penyampaian awam itu sangat penting supaya kita sentiasa dapat memberi perkhidmatan yang melangkaui jangkaan dan harapan rakyat.
31. Saya yakin proses merakyatkan sistem penyampaian kerajaan dapat dilakukan jika kita sentiasa berusaha memberi ‘perkhidmatan melangkaui kebiasaan’. Pendekatan *just do it, getting it done* dan *business as usual* tidak lagi sesuai. Rakyat mendambakan perkhidmatan yang lebih cepat, cekap dan berkesan. Perkhidmatan yang diberi mestilah mampu memberi kesan positif yang mendalam. Dengan itu, rakyat atau pelanggan kita bukan sahaja berpuas hati dengan perkhidmatan tetapi juga seronok dan gembira dengan layanan yang diberikan.
32. Bagi mencapai hasrat itu, saya mengajak kita semua supaya terus menyuburkan pendekatan turun padang, terbuka dalam mendengar pandangan dan kritikan serta memupuk nilai-nilai kebersamaan.
33. Sejak diberi amanah sebagai Menteri Besar, saya berusaha untuk menjadikan program **turun padang** sebagai tunjang pentadbiran negeri. Saya amat bersyukur atas komitmen setiap jabatan dan agensi yang menjayakan program-program turun padang termasuklah melalui inisiatif Menteri Besar Bersama Rakyat atau singkatannya MESRA. Apabila kita turun ke bawah, kita bukan sahaja menjadi lebih akrab dengan rakyat, malah isu-isu setempat yang mungkin selama ini kita terlepas pandang, dapat ditangani dan diselesaikan.

34. Bagi mengukuhkan lagi komitmen untuk turun padang bersama-sama dengan rakyat, saya dan rakan-rakan pentadbiran telah bersetuju untuk **mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak** yang akan diadakan pada hari Selasa minggu kedua setiap bulan mulai Februari ini. Program ini membolehkan kita semua, iaitu Menteri Besar, *Ex-officio*, barisan Exco Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri untuk sama-sama melayani aduan dan menyelesaikan masalah rakyat pada hari tersebut secara bersepadu.
35. Saya juga berharap supaya **tradisi mengadakan libat urus** dengan segenap lapisan rakyat dapat kita teruskan pada tahun ini. Saya berterima kasih kepada Institut Darul Ridzuan (IDR) kerana telah setakat ini telah mengkoordinasi 38 sesi libat urus dengan pelbagai pihak sejak Mac 2021 dalam usaha kita untuk menambah baik sistem penyampaian kerajaan. Proses *engagement* yang dikelola dengan baik dan berterusan sebenarnya mampu memberi impak yang sangat luar biasa. Ada idea-idea dari rakyat yang jika kita teliti dan perhalusi, mampu menjadi polisi atau dasar yang baik sekaligus memberi manfaat kepada negeri. Kita perlu sentiasa menjadi pendengar yang baik. Kita perlu lebih terbuka dan berlapang dada dalam menerima kritikan dan teguran.
36. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada beberapa jabatan, agensi atau PBT yang menerima anugerah atau pengiktirafan sepanjang tahun 2021. Antaranya:

- i) Majlis Perbandaran Manjung (MPM) yang telah memenangi Anugerah EMAS dalam Regional Innovation Showcase on Team Excellence (RISTEx) Peringkat Wilayah Utara. Selain itu, Majlis Perbandaran Manjung juga memenangi Anugerah Gangsa dalam Virtual Melaka International Intellectual Exposition (V-MIIEEX) 2021. MPM turut memenangi tempat Pertama kategori Program Tandas Awam Bersih, Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia peringkat kebangsaan 2021 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Terbaru, Majlis Perbandaran Manjung telah mendahului usaha transformasi digital menerusi pembangunan aplikasi "MyManjung" dan merupakan PBT pertama yang melaksanakan pengeluaran lesen premis digital sekaligus mempermudah proses pembaharuan lesen, pembayaran cukai serta kompaun secara atas talian. Jika MPM boleh, saya yakin PBT-PBT yang lain juga tentu boleh.

- ii) Majlis Bandaraya Ipoh memenangi Anugerah Emas pada Regional Innovation Showcase on Team Excellence (RISTEx) 2021 Wilayah Utara. Inovasi Sistem *MyNoRisk@MBI* telah terpilih bersama 195 penyertaan lain dan berjaya merangkul Anugerah Emas. Majlis Bandaraya Ipoh juga memenangi pengiktirafan 5 bintang dan telah tersenarai di antara 20 kumpulan terbaik Kategori Sektor Awam Negeri pada *Annual Productivity and Innovation Showcase (ArISe)* 2021.

- iii) Majlis Perbandaran Taiping menerima Anugerah Malaysia Tourism Council Gold Award 2021 bagi kategori *Best Sustainable Tourism Programme*.
- iv) Tourism Perak memenangi Anugerah *Malaysia Tourism Council Gold Award 2021* bagi kategori Best Tourism Safer Destination manakala *Sunway Lost World Of Tambun* dan Kellie's Castle pula masing-masing merangkul anugerah bagi kategori Best Theme Park dan *Best Historical Unique Destination* dalam majlis yang sama.
- v) Majlis Perbandaran Kampar memenangi tempat ketiga Anugerah Kejiranan Hijau 2021 kategori PBT dan tempat kedua bagi Anugerah Kejiranan Hijau 2021 kategori Komuniti Perumahan Kampung anjuran PLANMalaysia. Majlis Perbandaran Kampar juga menerima Anugerah Emas daripada Malaysian Society For Occupational Safety and Health (MSOSH).

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

FOKUS 3: MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

37. Sebelum saya berucap lebih lanjut mengenai fokus ketiga ini, saya mengajak kita semua untuk kita sama-sama mengambil iktibar daripada statistik dan data-data berikut.

- i) Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan, **kadar pengangguran di negeri Perak pada suku tahun ketiga 2021 adalah 4.8 peratus** atau melibatkan sekitar 53,000 orang. Kadar ini merupakan satu lonjakan besar berbanding hanya 3.4 peratus pengangguran yang direkodkan pada 2019, iaitu sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.
- ii) **Sebanyak 76,786 kes perceraian didaftarkan di seluruh negara sepanjang tempoh pandemik COVID-19** bermula sejak Mac 2020 hingga Ogos 2021. Perak diletakkan pada kedudukan kelima dengan **5,921 kes** selepas Selangor, Johor, Kedah dan Kelantan. Kes keganasan rumah tangga di Perak juga melonjak hampir 60 peratus daripada 36 kes pada 2019 kepada 63 kes pada 2020 dan terus meningkat dengan angka 74 kes pada 2021.
- iii) **Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi** atau NHMS ketika pelaksanaan siri PKP dan PKPD sekitar tahun 2020 dan 2021 mendapati, penyakit mental dijangka menjadi masalah kesihatan kedua paling serius bagi rakyat Malaysia pada tahun ini, selepas penyakit jantung. Tinjauan NHMS juga mendapati, tiga daripada setiap 10 orang dewasa berusia 16 tahun ke atas di negara ini, berpotensi menderita masalah kesihatan mental.
- iv) Tinjauan secara talian telefon yang disediakan oleh **Mercy Malaysia** dan **Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan** atau **CPRC** bagi mereka yang terjejas dengan COVID-19 menunjukkan, 46.8 peratus panggilan adalah

daripada individu yang begitu tertekan dan mengakui berdepan masalah psikologi.

38. Data-data dan statistik ini menunjukkan betapa pandemik COVID-19 telah mengakibatkan implikasi sosial yang sangat serius. Banyak operasi perniagaan ditutup sehingga ramai yang hilang mata pencarian. Ada yang tertekan hidup terkurung berbulan lamanya tanpa pendapatan. Ada pula ketua keluarga yang pendapatannya jauh berkurangan kerana dipotong gaji. Ramai yang berasa tidak selamat dari segi kewangan untuk meneruskan kehidupan. Tekanan yang tidak terbendung mendorong kepada krisis rumah tangga sehingga akhirnya membawa kepada perceraian dan kes keganasan rumah tangga.
39. Dilema yang sama turut dihadapi peniaga-peniaga kecil yang bergantung kepada pendapatan harian. Bukan sahaja bergelut kerana tidak dapat berniaga, simpanan pula semakin hari semakin menyusut. Begitu juga tekanan hebat yang dirasakan para petugas barisan hadapan. Mereka dihambat rasa penat dan perit bekerja siang dan malam dalam melawan pandemik yang tiada berpenghujung. Semua ini boleh mendorong kepada masalah mental yang serius.
40. Justeru, saya meminta supaya **isu kesihatan mental ini diberi perhatian yang sewajarnya dengan membantu golongan terkesan membina semula kehidupan.** Jika tidak diurus dengan cermat dan berhati-hati, kesihatan mental yang dihadapi golongan ini dikhuatiri akan menjadi lebih buruk dan menimbulkan komplikasi sosial yang berpanjangan.

Jabatan Kesihatan Negeri Perak diharap dapat mengukuhkan lagi pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Sosial di peringkat negeri dan daerah termasuk di hospital dan klinik-klinik kesihatan untuk membantu menstabilkan emosi individu yang terkesan.

41. Pada masa sama, saya menyarankan agar ketua-ketua jabatan di semua peringkat supaya prihatin dan ambil peduli jika masalah ini dikesan dalam kalangan kakitangan di bawah jagaan masing-masing. Gunakan apa jua saluran yang ada untuk membimbing dan membantu mereka membina semula kekuatan bagi meneruskan kehidupan.
42. Dalam pada itu, seperti yang saya bangkitkan dalam ucapan Belanjawan 2022, kita perlu berusaha sedaya upaya untuk menjayakan agenda mengupayakan semula ekonomi rakyat. Selain membantu peniaga-peniaga yang terjejas, usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk membantu rakyat termasuk golongan wanita, orang muda serta golongan B-40 yang berhasrat memula atau mengembangkan perniagaan.
43. Sekretariat Pembangunan Usahawan Negeri Perak atau STeP perlu menggembeleng jalinan kerjasama dengan jabatan dan agensi sama ada di peringkat negeri dan Persekutuan untuk **memantapkan lagi agenda pembangunan usahawan**. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada STeP kerana berjaya mengkoordinasi 49 jabatan dan agensi termasuk Tekun Nasional, Mara, SME Corp, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi yang menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan insentif demi manfaat usahawan-usahawan kita di negeri Perak.

44. Bergerak ke hadapan, manfaatkanlah sepenuhnya peruntukan sebanyak RM1.5 juta dalam Belanjawan 2022 untuk menyediakan bimbingan dan latihan, pendigitalan usahawan dan meneroka akses pasaran supaya usahawan-usahawan kita lebih berdaya maju, ampuh dan berkeyakinan dalam menghadapi situasi ekonomi yang masih tidak menentu. Suka juga untuk saya menyarankan agar STeP membimbing usahawan-usahawan kita memperkasakan produk keluaran Perak.
45. Bimbinglah anak-anak muda Perak sebagai pencipta pekerjaan atau *job creator*, bukan sekadar pencari pekerjaan atau *job seeker*. Bagi golongan yang baru hendak memulakan perniagaan termasuk mereka yang hilang punca pendapatan akibat pandemik COVID-19, bantulah mereka melalui skim-skim bersesuaian.

Ini termasuk skim pinjaman mikrokredit yang disediakan melalui dana Yayasan Perak dan Yayasan Bina Upaya, masing-masing berjumlah RM2 juta dan RM4.1 juta.

46. **Peranan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) sebagai gerbang kerjaya untuk anak-anak Perak perlu kita perkasakan lagi.** Program Jelajah Kerjaya dan Temuduga Bersiri di setiap daerah harus dilipatgandakan lagi dengan memberi fokus kepada penyediaan peluang dan persiapan tenaga kerja mahir yang diperlukan industri. Inisiatif Talent Perak dan *Perak Employability Training Scheme* atau PERINTIS juga hendaklah sentiasa mempunyai program memenuhi kehendak pasaran semasa bagi memastikan kebolehpasaran graduan Perak sentiasa dapat dipertingkatkan.

47. Program-program TVET juga perlu diteruskan sebagai agenda penting memandangkan pasaran kerja pada hari ini begitu menitikberatkan aspek kemahiran. Bantulah anak-anak Perak yang kurang berjaya dalam akademik untuk memiliki sijil kemahiran dan membina potensi diri melalui kursus-kursus jangka pendek dan panjang. Supaya akhirnya mereka juga mampu menembusi pasaran kerja dan berbakti kepada keluarga. Jangan kita lupa untuk turut memberi perhatian kepada penyediaan latihan TVET bagi golongan OKU dan anak-anak Orang Asli.
48. Dalam Belanjawan 2022, Kerajaan Negeri menggariskan pelbagai program kesejahteraan rakyat. Selain bantuan sosial melalui jabatan dan agensi kebajikan, pelbagai program dan inisiatif disediakan kerajaan termasuk pemberian Kad Prihatin, Program Teduhan Kasih Anak-Anak Perak, *Children Community Feeding*, pemberian kotak makanan serta skim-skim bantuan perumahan termasuk Rumah Perakku Prihatin. Cabaran kita ialah untuk pastikan semua bantuan ini benar-benar sampai kepada golongan sasaran.
49. Semua bantuan ini adalah usaha kita untuk membantu golongan miskin dan B40 serta mereka yang terkesan dengan hambatan pandemik. Kalau memerlukan mereka membuat permohonan, permudahkanlah dengan mengelakkan kerenah birokrasi yang menyulitkan. Berusahalah untuk bantu mereka seperti kita sedang menolong saudara atau keluarga sendiri. Koordinasi data antara jabatan dan kerjasama dengan pemimpin setempat perlu kita perkemaskan supaya tiada golongan sasaran yang tercicir.

Jangan ada pihak yang mengambil kesempatan sehingga menyebabkan terdapat keluarga susah yang sepatutnya dibantu akhirnya tercicir daripada menerima bantuan. Harus diingat sebahagian besar daripada golongan ini mempunyai perasaan rendah diri, pemalu dan tidak mempunyai akses kepada maklumat. Kitalah yang seharusnya mengenali, mendekati dan membantu mereka.

50. Dalam ucapan Executive Talk tahun lalu, saya ada menyarankan supaya pihak GLC negeri terlibat lebih aktif dalam program tanggungjawab sosial selain berusaha meningkatkan sumbangan kepada Kerajaan Negeri. Alhamdulillah, saya melihat ada peningkatan dari segi keterlibatan GLC dalam menyokong agenda memperkukuh prinsip keadilan sosial. Sumbangan GLC kepada negeri pada tahun 2021 bukan sahaja meningkat kepada RM46.1 juta berbanding hanya RM30 juta tahun 2020, malah saya melihat rata-rata GLC Perak mempunyai fokus yang jelas dalam pengisian program-program CSR mereka.
51. Bagi tahun 2022, saya mengesyorkan supaya GLC memainkan peranan lebih signifikan dengan terlibat secara langsung dalam program-program kesejahteraan rakyat terutamanya sektor yang mengalami pengurangan peruntukan. Antara yang perlu diberi perhatian ialah untuk sektor pendidikan yang masih terumbang ambing susulan pandemik COVID-19 selain membantu dalam pembangunan sektor pertanian dan keusahawanan.

52. Dalam situasi rakyat berdepan waktu-waktu sukar untuk bangkit daripada krisis kesihatan yang hampir dua tahun menghimpit kehidupan, peranan GLC sangat diperlukan supaya keuntungan yang dijana dapat dikongsi demi pembangunan Negeri dan kesejahteraan rakyat.

Saudara dan saudara yang dihormati sekalian,

FOKUS 4: MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN DAN INFRASTRUKTUR DIGITAL

53. Mahu tidak mahu, kita perlu terima hakikat bahawa dunia yang kita diami ini sudah begitu jauh berubah. Kehidupan rakyat dipandu oleh teknologi digital yang berubah dengan begitu pantas. Daripada Revolusi Industri 4.0, masyarakat dunia semakin hari semakin akrab dengan istilah-istilah baru dunia digital yang menunjangi kehidupan seharian.
54. Justeru, peralihan ke arah digitalisasi adalah sangat penting. Jentera pentadbiran kerajaan perlu menerap budaya pendigitalan supaya perkhidmatan yang diberikan lebih bersepadu, pantas dan lebih berskala. Pandemik COVID-19 memperlihatkan bagaimana digitalisasi menjadi *game-changer* dalam banyak keadaan dan situasi. Lihat bagaimana aplikasi digital sangat diperlukan ketika rakyat terkongkong akibat PKP. Peniaga juga memerlukan platform digital untuk terus berniaga. Anak-anak kita memerlukan akses internet untuk mengikuti pelajaran dari rumah.

Urusan-urusan kerajaan juga dijalankan atas platform digital memandangkan rata-rata premis kerajaan juga ditutup susulan PKP atau PKPD.

55. Pendek kata, aspek pendigitalan telah mencorakkan kehidupan kita di setiap segi. Sektor awam perlu menelusuri arus digital yang semakin deras seiring dengan peredaran masa yang begitu pantas. Kita mesti menjadikan budaya pendigitalan sebagai agenda penting kerajaan dalam tahun-tahun mendatang. Selaras dengan pelaksanaan Program Jalinan Digital Negara (JENDELA), fokus perlu diberikan kepada pemantapan infrastruktur digital serta penyediaan capaian gentian optik di seluruh negeri Perak.
56. Walaupun di atas kertas, saya menerima laporan setakat suku tahun ketiga 2021, sebanyak 95.58% penduduk telah mendapat liputan perkhidmatan 4G di seluruh negeri Perak, namun, secara peribadi, saya masih mendengar keluh kesah orang ramai yang tidak berpuas hati dengan kadar penembusan jalur lebar di kawasan mereka terutamanya di kawasan luar bandar. Malah, dalam sesi dialog sempena program MESRA di Manjoi pada hari Ahad dan Isnin lalu, ramai penduduk termasuk yang tinggal di kawasan bandar Meru pun meluahkan kekecewaan kerana mendapat liputan jalur lebar yang sangat teruk. Begitu juga rungutan yang diterima daripada penduduk di kampung-kampung sekitar Lenggong, Gerik, Selinsing, Trong dan kawasan-kawasan luar bandar yang lain. Bak kata rakan Orang Asli di RPS Kemar, *“there might be something wrong somewhere”*.

57. Oleh itu, saya minta supaya penyediaan infrastruktur digital di negeri kita ini dapat diselesaikan secara bersepadu. Saya berharap semua pihak yang terlibat dan bertanggungjawab bagi sektor komunikasi dan multimedia akan mengambil tindakan segera dan menyeluruh untuk mengatasi permasalahan ini. Agensi-agensi yang berkenaan termasuk Digital Perak pula perlu menjalin kerjasama lebih erat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi merealisasikan setiap sasaran yang dirangka dalam JENDELA pada tahun 2022.
58. Antara tumpuan utama Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2022 adalah pelaksanaan saluran Pembayaran Tanpa Tunai kepada rakyat selaras dengan inisiatif Kerajaan Malaysia melalui Rangka Tindakan Ekonomi Digital (MyDIGITAL).

Sasaran utama kita ialah untuk mencapai 100% jabatan serta agensi kerajaan negeri mempunyai saluran pembayaran tanpa tunai menjelang 2023. Langkah ini penting kerana ia turut memberi kesan secara langsung kepada prestasi kutipan hasil. Inisiatif ini juga akan meningkatkan skop dan kualiti perkhidmatan dalam talian sekaligus menambahbaik pengalaman pengguna yang mendapatkan perkhidmatan dengan kerajaan.

59. Saya melihat sudah banyak kecenderungan jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk menerap budaya pendigitalan. Selain penggunaan aplikasi permohonan dan pembayaran yang dilaksanakan beberapa PBT dan jabatan termasuk sistem e-Tanah Pejabat Tanah dan Galian, Sistem Elektronik Kehakiman Syariah juga telah dilaksanakan bagi menguruskan kes-kes Mahkamah Syariah.

Saya dimaklumkan, sistem Pengurusan Perolehan dan Pemantauan Kerja yang telah digunapakai di beberapa cawangan JKR di seluruh Malaysia, telah mula dilaksanakan di Jabatan Kerja Raya Negeri Perak pada tahun 2021. Saya harap pelaksanaan sistem ini dapat diperluaskan di semua Pejabat Daerah dan Tanah pada tahun ini.

60. Analisa Data Raya (Big Data) merupakan satu keperluan sebagai sokongan pembuatan keputusan di peringkat pengurusan tertinggi. Ia menyediakan satu platform bagi pengumpulan dan analisis data-data dari pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan. Saya sudah beberapa kali membangkitkan keperluan untuk kita menyegerakan usaha mewujudkan satu sistem Data Raya yang lebih komprehensif. Namun, saya mendapati kita masih berdepan isu koordinasi data antara jabatan dan agensi sehingga menyukarkan kita membuat keputusan segera dalam hal-hal berkaitan pentadbiran dan pembangunan negeri.
61. Saya difahamkan, pada tahun lalu kita telah membangunkan Sistem Data Raya yang dinamakan semula dengan nama Portal Perak Sejahtera. Skop pembangunan data raya pada tahun 2021 adalah meliputi Data Penerima Bantuan yang mengumpulkan data-data penerima bantuan dari jabatan pemberi bantuan kepada rakyat. Saya harap sistem ini dapat ditambah baik dengan mengintegrasikan data dan analisis daripada jabatan serta agensi lain. Langkah ini penting untuk mewujudkan kolaborasi antara agensi yang lebih kukuh dalam perkongsian maklumat dan keputusan.

Saudara dan saudara yang dihormati sekalian,

FOKUS 5: MENANGANI KESAN PERUBAHAN IKLIM

62. Banjir besar yang melanda lapar negeri di Semenanjung baru-baru ini benar-benar menginsafkan. Bukan sahaja meragut 47 nyawa, malah bencana alam terburuk itu mengakibatkan ratusan ribu penduduk terjejas dengan kerugian keseluruhan dianggarkan mencecah antara RM5.3 hingga RM6.5 bilion.
63. Banyak analisa yang dibuat menyatakan bencana alam berlaku sekali dalam tempoh 100 tahun ini berpunca akibat perubahan iklim. Kita perlu mengakui bahawa campur tangan keterlaluan manusia melalui aktiviti pembangunan dan perlakuan tidak lestari memburukkan lagi kejadian banjir di sesuatu kawasan. Para saintis pula meramalkan bencana alam berskala besar seperti ini mungkin akan berlaku lebih kerap pada masa depan. Tidak mustahil jika banjir lebih teruk berlaku dalam lima tahun akan datang.
64. Walaupun Perak tidak berdepan banjir seperti negeri-negeri lain, kita perlu belajar daripada musibah besar ini dengan mempersiapkan negeri bagi menghadapi kemungkinan bencana lebih ekstrem pada masa hadapan. Bukan sahaja dari segi persediaan infrastruktur, tetapi juga kesiapsiagaan kita mengurus bencana serta menggariskan tatakelola pembangunan yang lebih mampan bagi menangani impak perubahan iklim.

Jangan lupa negeri Perak pernah dilanda musibah banjir besar pada tahun 2014 yang mengakibatkan kerugian besar kepada rakyat dan kerajaan negeri.

65. Pertamanya, kita perlu selalu **mempersiapkan langkah-langkah mitigasi**. Jentera pentadbiran mesti selalu berpaut dengan data, ilmu pengetahuan serta teknologi kerana elemen-elemen ini menjadi kunci dalam menangani krisis atau bencana yang berlaku secara mengejut. Antara yang perlu diberi perhatian ialah sistem amaran awal dan mobilisasi aset pengurusan bencana. Kita mungkin mempunyai sistem amaran dan aset yang mencukupi, tetapi ia perlu disusuli dengan pelan mitigasi yang tersusun. Tidak kurang pentingnya ialah untuk mengadakan latihan simulasi bencana secara berkala selain memberi latihan kecekapan kepada anggota-anggota barisan hadapan bagi mempersiapkan mereka menghadapi situasi bencana.
66. Kedua, kita perlu **menangani isu struktur yang selama ini menghalang kita daripada mencapai potensi memberi perkhidmatan** yang lebih baik dalam mengurus krisis. Isu birokrasi ketika mengurus bencana sering mengundang rasa hampa dan kecewa rakyat. Saya ambil contoh kejadian ratusan mangsa banjir beratur dalam hujan berjam-jam lamanya untuk mendapatkan bantuan seperti yang tular baru-baru ini. Niat kita sudah baik untuk membantu golongan terkesan, tetapi kerana cara bantuan itu disampaikan begitu rumit dan menyusahkan, akhirnya niat yang baik itu dipandang sebaliknya.

67. Ketiga, jentera kerajaan perlu **memperkuatkan sinergi dan koordinasi dalam mengurus krisis dan bencana**. Agensi-agensi kerajaan perlu diberikan fleksibiliti mengikut kapasiti masing-masing. Dalam suasana krisis dan bencana, lapisan-lapisan dalam membuat keputusan mestilah diminimumkan seboleh mungkin kerana pada waktu-waktu genting, nyawa rakyat lebih penting daripada segalanya. Setiap jabatan dan agensi perlu menyuburkan semangat kebersamaan dalam mencapai objektif bersama dan mengelakkan sikap mencari salah atau menuding jari antara satu sama lain.
68. Bagi menangani fenomena perubahan iklim, kita perlu mempunyai dasar, perancangan dan pelan tindakan yang mantap bagi mengurangkan risiko berlaku bencana alam.

Pelan ini perlu diintegrasikan dengan pelan pembangunan sosial dan ekonomi supaya dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan. Dalam hal ini, saya memohon supaya jabatan dan agensi sama ada di peringkat negeri dan Persekutuan berganding bahu bagi memastikan agenda nasional dalam isu-isu pemuliharaan alam sekitar dapat dilaksanakan dengan lebih tuntas dan berkesan.

69. Sebagai negeri yang komited untuk menjadi peneraju kelestarian sumber dan alam sekitar, agenda 'Perak Bumi Lestari' yang menjadi tunjang dalam merangka pembangunan negeri perlu terus diperkukuhkan. Antara langkah yang boleh diambil bagi mencapai matlamat tersebut adalah seperti berikut:

- i) **Memulihara hutan dan ekosistem daratan serta mempercepat restorasi hutan.** Program Penghijauan Malaysia dan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok perlu dijayakan dengan penglibatan menyeluruh anggota masyarakat. Walaupun industri hasil hutan menjadi antara penyumbang penting kepada ekonomi negeri, namun aspek pemuliharaan khazanah hutan amat penting dengan melaksanakan tindakan rehabilitasi hutan dan tanah terosot secara berterusan.

- ii) **Memantapkan penguatkuasaan berkaitan perlindungan alam sekitar.** Operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa perlu diperhebatkan bagi membanteras penerokaan hutan atau pembalakan secara haram selain pemantauan menggunakan aplikasi teknologi terkini seperti sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS). Pelaksanaan '*Visible Enforcement*' oleh Jabatan Hutan melalui kerjasama dengan orang awam yang menyalurkan maklumat juga boleh dimantapkan kerana terbukti berjaya meningkatkan kecekapan perisikan bagi mengesan aktiviti jenayah alam sekitar.

- iii) **Memperluaskan penggunaan teknologi hijau.** Kita perlu merintis jalan lebih luas bagi mewujudkan kerjasama pintar khususnya dengan pihak swasta untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif teknologi hijau bagi menangani kesan perubahan iklim. Contohnya menggiatkan usahasama melaksanakan projek berasaskan sumber tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) seperti tenaga solar, hidro,

dan geoterma. Saya melihat semakin ada kecenderungan oleh pihak PBT seperti MBI yang menjalin kerjasama dengan pihak swasta dalam membangunkan industri solar. Difahamkan, Maju Perak Holdings juga menjadikan pembangunan industri ini sebagai antara keutamaan pada tahun 2022. Diharapkan semua usaha ini akan memacu Perak sebagai antara peneraju inisiatif berasaskan teknologi hijau seperti bandar hijau (*green city*), bangunan hijau (*green building*) dan pengangkutan hijau (*green transportation*).

- iv) **Menambahbaik Sistem pengurusan sisa pepejal.** Banyak kajian saintifik menunjukkan kelemahan dalam sistem pengurusan sisa pepejal bukan sahaja mengancam alam sekitar kerana menyebabkan pencemaran sehingga menimbulkan rasa kurang senang rakyat, malah menjadi punca peningkatan suhu dan mitigasi perubahan iklim. Pertambahan jumlah penduduk menyebabkan permintaan mewujudkan lebih banyak pusat-pusat pelupusan sampah. Saya memahami wujud pelbagai kekangan dalam isu ini termasuk dalam soal pentadbiran kontrak, pengurusan pihak pengendali dan penyelenggaraan fasiliti di tapak pelupusan.

Namun mahu tidak mahu, usaha berterusan perlu dilakukan dan mencari jalan supaya apa jua isu yang timbul dapat kita selesaikan.

Saudara dan saudara yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

70. Besar harapan saya agar kelima-lima fokus yang digariskan ini dapat sama-sama kita jayakan sebagai persediaan mengharungi tahun 2022 yang sarat dengan ketidakpastian. Walaupun mendepani situasi pandemik yang masih tidak menentu, saya yakin kita mampu menghadapinya selagi kita tetap berpegang kepada semangat kebersamaan, budaya saling peduli, saling menghargai dan saling melengkapi antara satu sama lain.
71. Saya mengajak pimpinan semua peringkat untuk sama-sama mengadaptasi konsep ***leadership shifting*** atau anjakan kepimpinan seperti yang dinukilkan oleh John C. Maxwell dalam bukunya bertajuk *Leader Shift*. Beliau menekankan betapa pemimpin perlu bersedia melakukan keputusan luar biasa bagi menghadapi situasi yang luar biasa. Dalam konteks kita mengurus negeri di tengah-tengah segala ketidakpastian ini, kita perlu melatih diri dan anak-anak buah untuk membuat keputusan yang betul pada waktu yang betul.
72. Justeru, kita tidak boleh hanya bergantung kepada metodologi-metodologi konvensional, tetapi mesti beradaptasi dengan pola pemikiran dan pendekatan baru sejajar dengan tuntutan semasa. Kita tidak boleh hanya statik dan terus terperangkap dalam zon selesa.

73. Pun begitu, saya memahami betapa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada kita semua. Saya menyedari adanya keletihan, keperitan, kesedihan, dan kesusahan selama kita berdepan pandemik ini. Saya juga menyedari adanya kritikan atau teguran kepada kerajaan khususnya dalam hal-hal yang belum dapat kita selesaikan.
74. Namun, kritikan yang membina itu sangat penting dan perlu selalu kita hadapi dengan penuh tanggungjawab. Walaupun ada waktunya kritikan itu sangat pahit untuk ditelan, tetapi jangan sesekali biarkan ia melemahkan semangat kita. Jadikan ia pembakar keazaman untuk kita selalu memperbaiki diri dan pasukan agar kita dapat memberikan perkhidmatan lebih baik pada hari-hari mendatang.
75. Saya mendoakan semoga Allah sentiasa memberkati dan mempermudah usaha kita semua dalam membangunkan negeri dan mensejahterakan rakyat.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh